

FAQ MATTIFYING SETTING SPRAY

1. Apakah perbezaan produk ini dengan x-ne facial spray dan collagen facial spray yang turut membantu member kesan ketahan makeup?

COLLAGEN FACIAL SPRAY	X-NE FACIAL SPRAY	MATTIFYING SETTING SPRAY
<ul style="list-style-type: none">• Penyegar wajah khas untuk kulit kering, normal dan sensitif• Diperkaya dengan kolagen dan pelembap untuk menghaluskan wajah• Membantu merawat masalah kulit kering• Memberi lembapan ekstra pada kulit wajah• Mengatasi masalah kulit kusam dan tidak bermaya• Tinggi anti oksida dan bersifat anti penuaan• Sesuai digunakan pada bila-bila masa sahaja• Boleh digunakan sebelum dan selepas solekan	<ul style="list-style-type: none">• Penyegar wajah khas untuk kulit berminyak, jerawat dan kombinasi.• Diformulasi untuk bantu merawat masalah kulit berminyak dan berjerawat• Membantu mengurangkan kemunculan bintik hitam, bintik putih dan mengecutkan tampilan pori-pori• Membantu mengawal pengeluaran sebum• Memberi rasa segar dan melembap kulit wajah• Sesuai digunakan pada bila-bila masa sahaja• Boleh digunakan sebelum dan selepas solekan	<ul style="list-style-type: none">• Penyembur wajah khas untuk menjaga ketahanan solekan• Sesuai untuk semua jenis kulit• Mengawal pengeluaran sebum pada wajah• Berkemasan matte tetapi tidak akan menyebabkan kulit menjadi terlalu kering• Menjadikan solekan kelihatan 'bersatu' dan mengelakkan solekan menjadi 'luntur', crack, cakey dan creasing.• Membantu agar solekan tahan sepanjang hari• Digunakan selepas selesai bersolek

2. Adakah produk ini perlu digunakan sebelum makeup atau selepas?

Mattifying Setting Spray boleh digunakan selepas selesai bersolek.

3. Adakah produk ini khas untuk pengguna yang mempunyai masalah kulit berminyak kerana kesannya yang 'oil control'?

Mattifying Setting Spray dirumus dengan formula kawalan minyak dan ia sesuai dengan semua jenis kulit.

4. Bagi pengguna yang menggunakan collagen spray dan x-ne spray adakah masih boleh menggunakan produk ini?

Ya. Ini kerana fungsi Facial Spray dan Setting Spray adalah berbeza. Facial Spray mempunyai formula yang lebih ringan dan lebih bersifat sebagai penyegar wajah. Setting Spray pula mempunyai formula khas untuk memastikan agar solekan kekal pada wajah sepanjang hari.

5. Adakah tempoh jam untuk kawalan minyak bagi penggunaan produk ini.. 'long lasting oil control'

Penggunaan Mattifying Setting Spray ini akan bantu untuk elakkan dari solekan jadi 'luntur' atau cakey, creasing dan bercapuk akibat minyak yang keluar dari kulit wajah. Setting spray akan bantu memanjangkan jangka tahan solekan pada wajah sepanjang hari. Walaubagaimanapun, ianya bergantung kepada jenis kulit seseorang dan persekitaran sekeliling.

6. Bagi yang berkulit kering, adakah produk ini akan menyebabkan makeup kelihatan 'crack' atau muncul garisan garisan halus di wajah?



Tidak. Ia tidak akan menyebabkan solekan menjadi bercapuk, crack atau cakey walaupun memiliki kulit kering. Ia akan bantu untuk solekan jadi 'melt' dan 'bersatu' pada kulit dan elak dari wajah kelihatan terlalu 'berbedak'.

APA ITU MATTIFYING SETTING SPRAY

- Spray wajah yang dirumus khas untuk digunakan selepas bersolek untuk memastikan agar solekan mampu bertahan sepanjang hari.
- Berkemasan matte dan bantu untuk mengawal pengeluaran sebum pada wajah serta elakkan kulit wajah kelihatan terlalu berkilat.
- Formulasinya yang ringan memastikan agar ianya cepat menyerap pada kulit tanpa meninggalkan kesan melekit, berminyak atau bercapuk pada wajah.
- Semburkan pada wajah selepas selesai bersolek.
- Bebas PARABEN dan sesuai untuk semua jenis kulit. Tetapi, bagi mereka yang memiliki kulit terlalu kering atau terlalu sensitif, penggunaan Mattifying Setting Spray ini tidak digalakkan.

FUNGSI MATTIFYING SETTING SPRAY

- **Mengawal minyak**
 - Bagi yang memiliki kulit berminyak, penggunaan setting spray ni akan bantu untuk elakkan solekan jadi bercapuk.
- **Solekan tahan lebih lama**
 - Setting spray ni akan bantu untuk 'lock' solekan pada kulit dan bantu tahan sepanjang hari.
- **Mattifying**
 - Sesuai untuk mereka yang mempunyai kulit berminyak & kombinasi untuk bantu elak solekan jadi terlalu berkilau akibat minyak pada wajah.
 - Sesuai juga untuk kulit kering & normal kerana ia mengandungi bahan melembap kulit seperti Vitamin E.
- **Mengandungi Vitamin E**
 - Kandungan Vitamin E ni akan bantu untuk melindungi kulit dari radikal bebas kerana ia tinggi anti-oksida. Ia turut membantu melembutkan kulit wajah dan turut berfungsi sebagai agen anti penuaan.
- **Mengandungi Trapealolum Majus Extract**
 - Trapealum Majus ialah sejenis bunga herba yang membantu menyerikan wajah kerana ia merangsang sirkulasi oksigen pada sel kulit. Oksigen yang mengalir pada sel kulit akan bantu merangsang penghasilan sel kulit yang sihat untuk kulit yang lembut, licin dan awet muda. Ia juga bantu untuk memperbaiki permukaan kulit wajah.

BAHAN UTAMA MATTIFYING SETTING SPRAY

Aqua, Alcohol, Amp – Acrylates/ Diacetoneacrylamide Copolymer, Propylene Glycol, Methylpropanediol, Tropaeolum Majus Extract, Phenoxyethanol, Ethylhexylglycerin, Biosaccharide Gum-1, Parfum, Triethanolamine, Tocopheryl Acetate. (Berat: 100ml)

TROPAEOLUM MAJUS EXTRACT

- Menyediakan oksigen pada kulit
- Merangsang penghasilan sel yang sehat agar kulit muka lebih licin dan awet muda
- Membaiki permukaan kulit wajah

TOCOPHERYL ACETATE (VITAMIN E)

- Tinggi antioksidan
- Melembutkan kulit
- Menggalakkan penyembuhan kulit
- Mengatasi penuaan
- Melindungi lapisan kulit

KENAPA PERLU PAKAI SETTING SPRAY

- Sama seperti primer, setting spray bertindak sebagai lapisan perlindungan untuk mengelak mekap atau solekan dari 'luntur' atau 'cair' walaupun terdedah pada faktor sekeliling seperti peluh dan minyak muka sepanjang hari.
- Setiap masa, kulit kita akan menghasilkan peluh dan sebum dan ini akan buat solekan jadi comot dan bercapuk. Penggunaan setting spray selepas selesai bersolekan akan bantu untuk kunci kemasan solekan tersebut.
- Setting Spray ni hadir dengan pelbagai formulasi dan kemasan yang berbeza. Penting untuk kita tahu mengenai setting spray tersebut sebelum menggunakannya pada kulit kita supaya tidak berlaku apa-apa iritasi pada kulit.
- Cara penggunaan setting spray ni mudah sahaja, pertamanya kita perlu pastikan solekan telah lengkap siap termasuklah olesan gincu serta pemakaian maskara. Kemudian, goncang dan pegang botol *setting spray* dengan jarak lebih kurang 20cm dari wajah, pejam mata, dan tekan nozzle dan gerakkan botol ke seluruh wajah agar semburan rata dan sekata menutupi lapisan solekan. Biarkan semburan air *setting spray* itu kering dan solekan akan kekal pada wajah sepanjang hari.

TIPS & TRICKS SOLEKAN DENGAN MATTIFYING SETTING SPRAY

1. Sembur pada berus eyeshadow untuk membuat warna eyeshadow lebih intense & pop out. Ini juga membantu untuk pastikan eyeshadow tidak 'melt' akibat kelopak mata yang berminyak.
2. Sembur pada berus sapuan concealer. Ini bantu untuk elak concealer jadi crack dan creasing sehingga menyebabkan solekan jadi bercapuk.
3. Sembur pada wajah sebelum foundation. Ia bantu untuk prep wajah sebelum aplikasi foundation.
4. Spray selepas berbedak. Setting spray akan bantu untuk 'melt'kan debu bedak dan ini akan bantu untuk set solekan supaya kelihatan lebih kemas dan sempurna.
5. Bantu untuk padam kesilapan solekan. Contohnya, jika berlaku kesilapan semasa melukis eyeliner, semburkan sedikit setting spray pada angled brush dan padamkan kesalahan yang berlaku pada eyeliner tersebut.
6. Bagi yang memiliki kulit berminyak, lebihkan semburan pada kawasan kulit yang mengeluarkan minyak yang lebih banyak.
7. Selepas semburkan setting spray, cepat-cepat kipas wajah untuk bantu keringkan setting spray dengan lebih cepat. Teknik ini akan bantu untuk 'melt' debu-debu bedak dan pastikan solekan tahan lebih lama

LONG LASTING & FLAWLESS MAKEUP ALL DAY LONG

1. Prep wajah dengan moisturiser terlebih dahulu. Ia bantu untuk melembap dan melembut kulit.
 - 72hr Moistx Ultra Hydrating Gel – kulit berminyak
 - Rose Stem Cell Moisturiser Emulsion – kulit kering
 - Anti Aging Moisturiser – kulit normal
2. Apply primer sebelum bersolek. Ia akan bantu untuk jadi base dan pastikan solekan stay pada wajah.
 - Pore Filler+Mattifying Primer – semua jenis kulit
 - Argan Oil Primer – kulit kering
 - Tea Tree Oil Primer – kulit berminyak
3. Gunakan foundation yang bersifat tahan lama.
 - Doll Skin Foundation
 - Cover Up Foundation
4. Set foundation dengan powder. Gunakan teknik baking.
 - Smooth Focus Setting Powder
5. Spray setting spray pada akhir solekan.
 - Mattifying Setting Spray